

21/09/1998

Ghafar tidak mahu rakyat mati kebuluran

MELAKA, Ahad - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba menitikiskan air mata apabila menyatakan tidak mahu melihat rakyat negara ini mati kebuluran dan terpaksa makan ular di atas kecuaian sendiri dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Ini menyebabkan beliau dengan nada yang begitu sebak serta tersekat-sekat, tidak mahu melihat nasib yang menimpa rakyat negara jiran akan berlaku pula di kalangan rakyat negara ini.

"Kini giliran kita pula, ada orang hendak hancurkan kita tetapi kita bersyukur ada kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang masih boleh menyelamatkan," katanya dengan nada sebak sambil mengesat air mata di majlis penerangan kegawatan ekonomi dan politik di Ayer Keroh dekat sini, semalam.

Antara yang turut hadir ialah Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Ibrahim Ali; Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Nasir Manap, ahli-ahli exco kerajaan negeri, Datuk Ahmad Hamzah serta Datuk Noordin Yaani dan bekas Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Ghafar berkata, beliau sendiri begitu kasihan melihat Dr Mahathir terpaksa ke hulu hilir dengan gagah berani tanpa berhenti-henti berusaha memulihkan ekonomi negara.

Berikutan itu, kata Ghafar, beliau menawarkan diri bagi membantu mengajak rakyat menyokong kepemimpinan Dr Mahathir supaya rakyat terhindar terus daripada mati makan ular atau ubi kayu.

"Malangnya saya tawar diri, saya dikecam walaupun sudah kerja dalam Umno lebih 52 tahun.

"Saya tidak kecil hati kerana menyedari usaha saya untuk menanamkan semangat kebangsaan tidak menyeluruh, ada dua tiga orang yang tertinggal," katanya.

Ghafar juga menegaskan bahawa dirinya akan terus aktif berjuang untuk kepentingan parti sehingga meninggal dunia walaupun tidak memegang sebarang jawatan.

Katanya, berebut jawatan bukan tujuan untuk masuk Umno tetapi menyertai Umno adalah untuk berkhidmat kepada bangsa, agama dan negara.

"Malangnya, ada yang masuk Umno dengan membayar RM1 ingin menjadi pemimpin dan orang begini apabila tidak berjaya menjadi sasau atau gila," katanya.

(END)